

Headline  
Date  
MediaTitle  
Section  
Journalist  
Frequency  
Circ / Read

**Tiada laporan kera bawa HIV**  
**09 May 2011**  
**Sinar Harian**  
**Nasional**  
**N/A**  
**Daily**  
**60,000 /**

Language  
Page No  
Article Size  
Color  
ADValue  
PRValue

**Malay**  
**N6**  
**96 cm<sup>2</sup>**  
**Full Color**  
**528**  
**1,584**



## Tiada laporan kera bawa HIV

**KUANTAN** - Orang ramai dinasihatkan supaya berhati-hati atau mengelakkan daripada memberi makanan kepada kera liar kerana kemungkinan haiwan itu dijangkiti penyakit berbahaya dan boleh berjangkit kepada manusia.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Liow Tiong Lai berkata, tindakan itu juga mengundang bahaya secara langsung kerana sifat haiwan itu sukar dijangka dan boleh menyerang manusia dalam situasi tertentu.

Menurutnya, kecederaan akibat gigitan atau cakaran haiwan itu dibimbangkan turut menyebarkan pelbagai penyakit berbahaya termasuk denggi, malaria dan tibi.

"Semua kemungkinan itu boleh berlaku bagaimanapun setakat ini belum ada sebarang laporan kera menjadi pembawa penyakit HIV," katanya ketika diminta mengulas laporan sebuah akhbar yang menyebut kera menjadi penyebar pelbagai penyakit bahaya termasuk HIV.

Beliau berkata, pihaknya akan bekerja sama dengan Jabatan Veterinar bagi menyelesaikan isu ini.